

17 JAN 1998

LAPORAN MINGGUAN NIAGA HADAPAN INDEKS KOMPOSIT

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Indeks Komposit Kuala Lumpur di Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan Kuala Lumpur (KLOFFE) yang membuat pantulan hebat minggu ini dijangka meneruskan kerancangan meningkat minggu depan, kata para peniaga.

Memandangkan perkara ini, seorang peniaga daripada HLG Futres Sdn Bhd berkata pelabur-pelabur mungkin akan terus memegang pegangan jangka panjang dalam pasaran, bagaimanapun, mereka dinasihatkan lebih berhati-hati kerana sentimen masih lagi rapuh.

Beliau berkata, masih terdapat banyak penjual dalam pasaran yang mungkin menyekat harga daripada meningkat lagi.

Bagi minggu ini, beliau berkata pasaran sepatutnya terus naik sekiranya tidak mengalami kadar faedah yang tinggi.

Kontrak Jan 98 naik 59.0 mata atau 12.19 peratus kepada 543.0, manakala Feb 98 meningkat 82.0 mata atau 16.94 peratus kepada 566.0. Indeks Komposit di pasaran tunai meningkat 48.34 mata atau 8.83 peratus kepada 539.94.

Perolehan mingguan meningkat kepada 11,812 lot daripada 9,983 lot sebelumnya manakala jumlah kedudukan pembukaan pada Jumaat berada pada 11,375 kontrak.

Christopher Podbury daripada JF Apex Futures berkata kontrak niaga hadapan itu dijangka diniagakan dalam jajaran 540 dan 685 mata pada minggu depan dengan kemungkinan minat asing akan bertambah, dicetuskan oleh kenyataan jaminan oleh pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus yang menyatakan Malaysia tidak memerlukan pembiayaan IMF.

Menurut Camdessus keadaan "setakat ini adalah baik", sambil menambah beliau menyambut baik langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk mengatasi masalah ekonomi.

Dalam rangka lawatan selama dua hari ke Malaysia, beliau mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pegawai-pegawai daripada Bank Negara serta Kementerian Kewangan.

Penganalisis daripada HA Options and Finance Futures Sdn Bhd juga menjangkakan kontrak hadapan Indeks Komposit bersedia untuk bergerak tinggi dengan pantulan kukuh dalam pasaran serantau pada Jumaat, ditambah dengan keteguhan nilai ringgit.

Jika kontrak Jan melepasi paras 550, maka paras ketahanan sepatutnya berada pada 600 mata, kata penganalisis.

Minggu ini, ringgit pulih untuk ditutup pada paras 4.1700 daripada 4.5600 sebelumnya, manakala Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Klibor) tiga bulan meningkat kepada 9.56 peratus daripada 9.38 peratus minggu lalu.

-- BERNAMA

JR ZK MA